

Tempoh jawatan Presiden, Timbalan tidak perlu dihadkan

UM 2 2 JUM 2003

KLJALA LUMPUR 21 Jun — UMNO perlu meneruskan tradisi tidak menghadkan tempoh penyandang jawatan Presiden dan Timbalan Presiden, kata Ketua Pergerakan Pemuda UMNO, Datuk Hishammuddin Tun Hussein.

Ini kerana parti mempunyai sistem tersendiri dalam menentukan tempoh perkhidmatan pemimpinnya melalui proses pemilihan yang cukup matang.

Menurut beliau, sumbangan seseorang pemimpin di dalam parti perlu dikekalkan selagi pemimpin itu mampu memberikan perkhidmatan terbaik kepada parti, rakyat dan negara.

“Saya cukup yakin ahli-ahli UMNO matang dan mengenal untuk menentukan pemimpin mereka untuk memimpin negara ke arah lebih cemerlang.

“Sekiranya itu amalan kita selama ini, tidak perlu kita mengubahkannya dan pada saya, biar ahli parti menentukan,” katanya.

Beliau menyatakan demikian kepada pemberita selepas melancarkan Klinik Kesihatan Bergerak Pergerakan Pemuda UMNO Bahagian Bayan Baru Pulau Pinang di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) hari ini.

Beliau diminta mengulas cadangan perwakilan supaya tempoh perkhidmatan Presiden dan Timbalan Presiden dihadkan.

Hishammuddin juga bersetuju supaya Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi mengumumkan Timbalannya semasa beliau menjadi Perdana Menteri nanti.

“Saya setuju sangat bahawa pemilihan dan pelantikan Timbalan Perdana Menteri itu adalah hak Perdana Menteri sebab saya rasa itu hak dia.

“Macam mana Pak Lah nak lantik Timbalan Perdana Menteri dalam keadaan dia bukan Perdana Menteri hari ini, ini logik dan saya setuju,” katanya.

Semalam, Abdullah menegaskan beliau akan menamakan Timbalan Perdana Menteri baru pada November ini sejourus mengambil alih tampuk pemerintahan negara daripada Dr. Mahathir.

Mengenai pilihan raya umum, Hishammuddin berkata, sayap parti itu perlu bersiap sedia mulai sekarang untuk menghadapinya.

Sementara itu, Pengcrusi Biro Kebajikan dan Klinik Kesihatan Bergerak Pergerakan Pemuda UMNO Bahagian Bayan Lepas, Dr. Novandri Hasan Rasri berkata, klinik tersebut menawarkan lima perkhidmatan serentak.

Ia termasuk pemeriksaan kesihatan, penyemnan nama pengundi on-line, pamcran kesihatan bergerak, perpustakaan kecil bergerak dan tabung kebajikan.

Maklumat terkini boleh diperoleh melalui laman web www.KlinikKesihatanBergerakPemudaUMNO.html.